


Maklumat Komoditi : Lembu Tenusu

Sistem Pemakanan

Sistem Pemakanan Lembu Tenusu Pemberian makanan yang seimbang adalah faktor utama dalam pengurusan. Selain itu, pemberian makanan yang seimbang perlu selain meningkatkan kadar pengeluaran susu ke tahap optimum, ia juga memberi keperluan yang cukup kepada lembu untuk maintenance tubuh badan dan juga meningkatkan antibodi ternakan. Tanpa pemberian makanan yang mencukupi, ternakan mudah dijangkiti penyakit malahan pengeluaran susu terjejas dan memberi kesan drastik kos operasi sesebuah ladang tenusu. Kepentingan makanan seimbang untuk lembu tenusu amat penting untuk:

- (a) Kesihatan lembu.
- (b) Kenaikan berat badan lembu
- (c) Semasa lembu mengandung
- (d) Semasa lembu mengeluarkan susu
- (e) Untuk anak lembu membesar dan sihat



Rajah 2.2 : Proses pengambilan susu.

Antara jenis - jenis makanan seimbang untuk lembu tenusu adalah seperti berikut:

1. Rumput muda (30 - 40 hari) dan bukan rumput tua yang sudah berbunga. 40 hingga 60 kg rumput/ekor/hari atau 40 tan bahan kering/ha/tahun. Contoh, rumput Napier Taiwan.
2. Mengandungi 12-14% protein dan 68 % tenaga.
3. Konsentrat mengandungi protein, tenaga, vitamin dan zat galian. 1 kg konsentrat untuk 2 ½ liter susu.
4. Garam dan galian fosfat atau kalsium (Mineral Block) atau Mineral Premix dicampur dengan konsentrat.
5. Air bersih yang tidak panas lebih baik jika bekalan air tidak putus.
6. Dalam susu kandungan air adalah 85% hingga 87%. Lembu perlu air yang cukup dalam makanan sehari. Air hendaklah sentiasa ada apabila lembu dahaga.